

Banjir di Kerian membimbangkan

BAGAN SERAI 1 Dis. - Keadaan banjir di negeri ini khususnya di daerah Kerian masih membimbangkan ekoran hujan lebat.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, setakat ini tiga pusat pemindahan masih dibuka yang menempatkan 338 orang daripada 98 keluarga.

Menurut beliau, yang meresahkan mangsa ialah keadaan banjir yang tidak surut sehingga ada penduduk sudah hampir 20 hari ditempatkan di pusat pemindahan.

Beliau berkata, ini berlaku disebabkan air yang bertakung tidak dapat mengalir keluar justeru tindakan segera perlu dibuat untuk mengatasi keadaan itu.

"Kawasan di sini masih ditakungi air disebabkan hujan lebat yang luar biasa dan kedudukannya yang dikelilingi kawasan tadahan air di kolam Bukit Merah.

"Untuk itu, usaha sedang di-

laksanakan untuk mengalirkan air yang bertakung dengan menggunakan mesin mengepam air," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah, di sini semalam.

Sementara itu, Zambry mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri mengkaji semula projek tebatan banjir bernilai RM400 juta yang dilihat gagal menyelesaikan masalah banjir di daerah Kerian.

Menurut beliau, JPS perlu melihat keseluruhan pelan projek tersebut supaya ia dapat mengatasi masalah banjir di daerah ini secara keseluruhan.

Beliau berkata, sekiranya peruntukan begitu besar sediakan namun banjir masih berlaku, ini akan menimbulkan persoalan dalam kalangan rakyat.



Kawasan di sini masih ditakungi air disebabkan hujan lebat yang luar biasa dan kedudukannya yang dikelilingi kawasan tadahan air di kolam Bukit Merah."

DR. ZAMBRY ABD. KADIR
Menteri Besar Perak

"Begitupun, taburan hujan yang tinggi sejak tahun lalu mungkin menyebabkan perancangan JPS di luar jangkaan dan projek tebatan banjir di daerah perlu dikaji semula keberkesanannya mencegah banjir," katanya.



ZAMBRY ABD. KADIR (kanan) menyuapkan bubur ke mulut anak mangsa banjir ketika melawat mangsa banjir di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan Bukit Merah, dekat Bagan Serai, Perak, semalam. - BERNAMA